



KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

**“JPJ SOKONG HASRAT KSN BERHUBUNG PERTUKARAN PETUGAS
KAUNTER MELEBIHI LIMA (5) TAHUN”**

PUTRAJAYA, 23 JANUARI 2025 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia menyahut seruan YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara berhubung arahan melaksanakan dasar penggiliran kerja bagi penjawat awam yang bertugas di kaunter yang melebihi lima (5) tahun semasa Amanat Ketua Setiausaha Negara Tahun 2025 pada 20 Januari 2025.

Selaras dengan hasrat tersebut, JPJ akan melaksanakan arahan pertukaran petugas kaunter JPJ yang melebihi lima (5) tahun melibatkan 1,907 petugas kaunter JPJ seluruh Malaysia. Pihak JPJ juga sedang memperincikan senarai nama penjawat awam yang bertugas di kaunter JPJ untuk dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pihak JPJ yakin langkah ini akan mempertingkatkan kecekapan, keberkesanan, dan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan melalui kaunter-kaunter perkhidmatan JPJ. Selain itu, usaha ini juga sebagai salah satu elemen penekanan terhadap aspek integriti petugas kaunter JPJ selain peningkatan kemahiran dan pengalaman penjawat awam terutamanya warga kerja JPJ dalam penyampaian perkhidmatan.

JPJ Malaysia komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan cekap bagi menjamin kesejahteraan dan keselesaan kepada rakyat selaras dengan agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**
23 JANUARI 2025

[TAMAT]